

INDEKS PEMBAZIRAN KERAJAAN NOW

—
oleh
Pusat Pemantau
& Perlindungan
Pemberi Maklumat
/ National
Oversights &
Whistleblowers
(NOW)

—
Penasihat
Rafizi Ramli
Wong Chen

Penulis
James Chai
Koh Wye How
Akmal Nasir




.4395
OW

NOW
NATIONAL OVERSIGHT &
WHISTLEBLOWERS



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

1. TUNJUK MAJLIS PERDANA



0131
TIM
FUC



PUSTAKA PERDANA



1013597



Isi Kandungan. Contents.

Latar Belakang	5
- <i>Pusat Pemantau & Perlindungan Pemberi Maklumat</i> - <i>Rafizi Ramli & Akmal Nasir</i>	
Abstrak	11
Pengenalan & Latar Belakang	13
Kaedah	21
- <i>Pengumpulan Sampel-sampel Maklumat</i> - <i>Pengiraan purata peratusan pembaziran kerajaan melalui formula Tahap Peringkat Keyakinan atau Confidence Interval (CI)</i>	
Keputusan & Perbincangan	33
Kesimpulan	37
<hr/>	
Background	41
- <i>National Oversight & Whistleblowers</i> - <i>Rafizi Ramli & Akmal Nasir</i>	
Abstract	47

Introduction and Background	49
Methodology	55
- <i>Compilation of Sample Size Data</i>	
- <i>Calculation of average percentage of government wastage via the Confidence Interval (CI) formula</i>	
Results and Discussion	65
Conclusion	69
References	71



Latar Belakang.

Pusat Pemantau & Perlindungan Pemberi Maklumat

Pusat Pemantau dan Perlindungan Pemberi Maklumat atau NOW ditubuhkan pada Ogos 2012 ketika tahap keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan pada tahap paling rendah. Selpas skandal Pusat Fidlot Nasional (NFC) didedahkan, Rafizi Ramli dan Akmal Nasir (Pengasas bersama NOW) menyedari keperluan untuk memperkenalkan budaya memberi maklumat di Malaysia.

NOW menyediakan “saluran alternatif masyarakat sivil” kepada agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis, yang mana reputasinya tercemar dengan pelbagai laporan kematian dalam tahanan serta laporan kekerasan dan intimidasi yang digunakan oleh pegawai. NOW berusaha untuk mewujudkan budaya memberi maklumat yang lebih kondusif dalam masyarakat dan mendesak ketelusan dan tatakelola pentadbiran yang baik dalam sektor awam dan sektor swasta.

Dari segi pemberi maklumat, NOW menjalankan penyiasatan dan pendedahan kes-kes rasuah dan salah guna kuasa dalam pejabat awam yang terlibat. NOW menerima tip dan maklumat yang disediakan oleh pemberi maklumat dan menjalankan siasatan dan mencari kebenaran terhadap maklumat yang mempunyai asas yang kukuh.

NOW juga sentiasa memantau aktiviti-aktiviti dan perbelanjaan kerajaan. Sebagai contoh, setiap tahun NOW meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan memberi tumpuan kepada pembaziran, salah guna dan penyelewengan yang direkodkan tetapi tidak semestinya mendapat perhatian yang jelas oleh orang ramai.

NOW memberi penekanan yang serius terhadap pendidikan sivik dan menjalankan beberapa program untuk mendidik orang ramai berkenaan dengan rasuah dan aspek-aspeknya. NOW menjadi tuan rumah dan membantu untuk menganjurkan kursus dan forum untuk sukarelawan dan rakyat yang berminat terhadap pelbagai topik yang berkaitan.

NOW
NATIONAL OVERSIGHT &
WHISTLEBLOWERS

Latar Belakang Rafizi Ramli.


Rafizi Ramli merupakan pengasas dan kini adalah Ketua Penasihat. Bekas Ketua Pengarah Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, beliau merupakan akauntan yang bertauliah dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Malaysian (MIA). Beliau memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik daripada Universiti Leeds dan juga bekas pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Rafizi memiliki pengalaman yang luas dalam dunia korporat, pernah berkhidmat dalam pelbagai pengurusan kanan firma multinasional gas dan minyak serta farmasitikal. Beliau memulakan kerjanya sebagai auditor bersama Jeffrey Henry di London.

Rafizi telah memulakan beberapa siri pendedahan



yang melibatkan penyelewengan kewangan kerajaan pada tahun 2011 dan 2012 yang seterusnya telah menarik perhatian rakyat kepada peranan pemberi maklumat yang semakin penting dalam pembangunan negara dan kelemahan perlindungan terhadap pemberi maklumat. Beliau ketika menghadapi beberapa kes mahkamah termasuk dibawah dakwaan Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang membawa hukuman maksima penjara 7 tahun.



Latar Belakang **Akmal Nasir.**

Akmal Nasir merupakan pengasas bersama dan pengarah. Beliau memiliki ijazah sarjana muda dalam 2 bidang iaitu Sains Aktuari dan Ekonomi daripada Universiti Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat dan merupakan bekas pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Sebelum ini, Akmal telah bekerja sebagai pegawai penyelidik ekonomi untuk beberapa tahun dan kini menumpukan perhatiannya untuk tugas masyarakat sivil. Beliau telah memainkan peranan yang penting pada tahun 2015 untuk mendedahkan skandal penyelewengan dan salah guna kuasa dalam sebuah organisasi badan pembangunan dan kebajikan masyarakat yang berkait rapat dengan kerajaan. Beliau telah disaman oleh Menteri yang berkenaan. Namun, baru-baru ini mahkamah telah membuang kes saman tersebut.



Abstrak.

Rasuah kekal sebagai antara masalah yang paling utama membelenggui Malaysia. Walaupun kesan kerosakkan rasuah diakui secara meluas, sejauh mana gejala rasuah dalam Kerajaan Persekutuan Malaysia masih belum dikenalpasti. Kertas kajian ini bertujuan untuk mewujudkan satu indeks yang pertama seumpamanya untuk mengukur tahap rasuah melalui kaedah empirikal (berdasarkan pemerhatian atau eksperimen, bukan teori: kaedah yg digunakan adalah melalui kajian-kajian seperti pengumpulan data). Indeks ini dikenali sebagai Indeks Pembaziran Kerajaan NOW (IPKN).

Kertas kajian ini memperincikan langkah mudah Prosedur Dua-Peringkat (PDP) atau Two-Step Procedure (TSP) sebagai asas IPKN dengan penerangan prinsip-prinsip dan kaedah pengiraan. Sebagai penutup, kertas kajian ini menyimpulkan bahawa keperluan agar IPKN diperkenalkan sebagai kaedah utama untuk menilai pembaziran kerajaan dan rasuah daripada setiap Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan. IPKN juga boleh digunakan untuk kita menganggarkan jumlah simpanan yang boleh dibuat oleh kerajaan yang lebih cermat dengan perbelanjaan.



Pengenalan & Latar Belakang.

Jim Yong Kim, Presiden Bank Dunia, pernah menggambarkan bahawa rasuah adalah merupakan satu aktiviti yang lebih merbahaya kepada kemanusiaan berbanding kegiatan keganasan di serata dunia. Ini adalah kerana rasuah memberi kesan dengan anggaran kos sebanyak \$ 1 trilion daripada negara-negara membangun yang diperoleh melalui cara rasuah, pengelakkan cukai dan jenayah kewangan yang lain.¹

Reso-Ackerman telah memberi takrifan mudah rasuah sebagai satu bentuk 'salah guna kuasa oleh penjawat awam untuk keuntungan peribadi'.² Ini adalah sama dengan takrifan oleh Geddes dan Nato yang menjelaskan rasuah sebagai mengandungi 'perbuatan secara haram atau menyalahi undang-undang oleh penjawat awam bagi mengkayakan diri mereka'.³

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mentakrifkan rasuah secara lebih komprehensif iaitu rasuah bukan sahaja kegiatan yang melibatkan salah guna kuasa, kedudukan atau pangkat untuk kepentingan

peribadi, tetapi juga termasuk aktiviti-aktiviti seperti ‘rasuah, ugutan, penjajaan pengaruh, nepotisme, penipuan, duit kopi dan penyelewengan.’⁴

Takrifan oleh Kim adalah tepat kerana rasuah membawa kesan buruk ke atas ekonomi. Mauro menunjukkan bagaimana rasuah membantutkan pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara.⁵ Kajian yang dibuat oleh Tanzi dan Davoodi juga menunjukkan rasuah menyebabkan kualiti infrastruktur awam yang lebih rendah dan ketidakadilan dalam perbelanjaan kerajaan dan awam.⁶ Mereka menemui bukti yang menyokong dapatan kualiti jalan raya yang lebih rendah dan penambahan gangguan elektrik disebabkan oleh rasuah. Selain daripada itu, Friedman dan lain-lain telah membuktikan pengurangan hasil pendapatan awam disebabkan oleh rasuah.⁷ Secara keseluruhannya, rasuah ‘melemahkan tatakelola yang baik, mengganggu gugat polisi awam, menyebabkan salah guna peruntukkan dan merosakkan perkembangan ekonomi’.⁸

Malaysia tidaklah asing dengan rasuah, dari kedua-dua sudut keadaan ekonomi sebenar dan persepsi. Bukti daripada kajian Siddiquee menunjukkan walaupun kempen dan inisiatif oleh kerajaan Barisan Nasional, rasuah masih kekal ‘buruk, merebak dan bertambah buruk’ sejak beberapa tahun kebelakangan ini.⁹

Dari segi ekonomi, Laporan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 terhadap Melawan Rasuah menganggarkan bahawa Malaysia terpaksa menanggung sehingga RM 10 bilion (ribu juta) setiap tahun disebabkan oleh rasuah.

Ini adalah bersamaan dengan kira-kira 1 – 2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Malaysia.¹⁰

Sebaliknya, dari segi persepsi, sebanyak 90% responden daripada organisasi perniagaan merasakan rasuah merupakan satu keperluan dalam melaksanakan urusan di Malaysia, seperti mana yang dilaporkan oleh laporan kaji selidik penipuan dan rasuah oleh firma perakaunan antarabangsa KPMG pada tahun 2013.¹¹

Seterusnya, Barometer Rasuah Malaysia (MCB) 2014 yang pertama oleh Transparency International-Malaysia telah menerbitkan hasil kajiselidik pada Januari 2016 yang menunjukkan hampir 45% rakyat Malaysia merasakan parti politik adalah paling rasuah, diikuti dengan pasukan polis dan kakitangan kerajaan.¹² Keputusan ini adalah penting kerana kumpulan dan individu-individu berkenaan adalah yang paling diamanahkan dengan dana awam dan dilihat sebagai paling berpotensi menyalahgunakannya. Ini menzahirkan masalah yang utama untuk institusi-institusi yang memegang amanah awam untuk berfungsi sebaiknya.

Kajian oleh Case pada tahun 2007 menerusi laporannya bertajuk “Rasuah Tanyak dan Membanterasnya Rendah” (Kajiselidik Asian) telah mengenalpasti sejumlah skandal rasuah di Malaysia yang melibatkan ahli-ahli politik berprofil tinggi dan penjawat awam.¹³

Ini adalah termasuk pemberian dana pembangunan untuk kontraktor bumiputera yang diiktiraf sebagai “kontraktor Kelas-F” sebanyak RM 600 juta (USD 180.1 juta) pakej yang digunakan bagi tujuan pembinaan dan baik pulih jalan. Agihan dana tersebut tidak mencapai matlamat seperti yang diteliti oleh pemerhati yang menyatakan bahawa “ianya adalah rahsia terbuka yang mana pemimpin-pemimpin parti politik tersebut diberi keutamaan untuk lesen Kelas-F”. Syarikat milik anak Mantan Perdana Menteri Abdullah Badawi iaitu Kamaluddin Abdullah, Scomi Group, juga telah menerima kontrak kerajaan yang lumayan ketika Abdullah berkuasa. Menantu kepada Abdullah, Khairy Jamaluddin juga telah terlibat dalam urusan beberapa syarikat pelaburan berkaitan kerajaan termasuklah Khazanah Holdings dan Avenue Capital Resources.¹⁴

Baru-baru ini, Dr Mohamad Khir Toyo telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Persekutuan dengan penjara setahun kerana didapati bersalah mendapatkan dua plot tanah secara rasuah dengan menggunakan kedudukannya ketika itu sebagai Menteri Besar Selangor dan pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).¹⁵

Berdasarkan sejumlah skandal-skandal rasuah berprofil tinggi, ianya cukup untuk mengesahkan bahawa rasuah kekal sebagai salah satu masalah utama dalam negara.

Walaupun yang demikian, belum adalah kaedah yang terbaik untuk menjawab soalan yang ringkas ini: Berapa banyak rasuah melibatkan Kerajaan Persekutuan?

Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4) telah menganggarkan rasuah sekita RM 23 bilion hingga RM 40 bilion setahun.¹⁶ Presiden Transparency International-Malaysia Datuk Aktar Satar menganggarkan 5% daripada KDNK telah hilang disebabkan rasuah setiap tahun.¹⁷

Namun, anggaran tersebut dibuat tanpa melalui kaedah pengiraan yang jelas. Usaha-usaha yang lain seperti Indeks Persepsi Rasuah oleh Transparency International¹⁸ dan Laporan Pengaliran Wang Haram Antarabangsa oleh Global Financial Integrity¹⁹ adalah berdasarkan kepada persepsi dan pengalaman orang ramai, dan juga maklumat daripada aktiviti urusniaga seperti kesalahan invoice, walaupun menunjukkan keadaan rasuah yang serius di Malaysia, masih jauh tidak tepat untuk mengukur rasuah yang berlaku dalam negara.

Maka dapat disimpulkan bahawa terdapat jurang untuk kajian empirikal dan kaedaan pengiraan yang jelas bagi mengetahui berapa banyak rasuah yang melibatkan Kerajaan Persekutuan.

Kertas kajian ini mengandungi keadah yang tepat dan sofistikated bagi mengukur rasuah dalam Malaysia. Kaedah ini dinamakan sebagai Indeks Pembaziran Kerajaan NOW (IPKN). Jika IPKN digunapakai dengan jayanya, kita sepatutnya boleh mengira purata peratusan pembaziran kerajaan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun.

Angka ini adalah yang paling tepat sebagai asas kuantitatif berapa banyak rasuah yang melibatkan Kerajaan Persekutuan.

Bagi tujuan tersebut, kertas kajian ini telah mengkhususkan kepada Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan pada tahun 2014 sebanyak 3 siri.

Dengan adanya IPKN, kini kita memiliki asas yang kukuh bagi segala tuduhan rasuah terhadap Kerajaan Persekutuan melalui kaedah yang memuaskan yang mesra pengguna, statistik yang sofistikated, dan progresif. Persoalan 'berapa banyak rasuah yang melibatkan Kerajaan Persekutuan' akhirnya boleh dijawab.





Kaedah.

Dalam usaha mengenal pasti prosedur sistem bagi mengira purata peratusan pembaziran dalam kerajaan, kertas kajian ini menggunakan kaedah mudah Prosedur Dua-Langkah (PDL):

- Pengumpulan sampel-sampel maklumat.
- Pengiraan purata peratusan pembaziran dalam kerajaan melalui formula Tahap Peringkat Keyakinan atau Confidence Interval (CI).

Pengumpulan Sampel-sampel Maklumat

Langkah pertama bagi Prosedur Dua-Langkah adalah paling mencabar. Kertas kajian ini telah memperincikan proses-proses yang diperlukan bagi mengkompilasi maklumat secara tepat.

Proses-proses tersebut adalah seperti berikut:

- a. Membahagikan unit-unit pembaziran antara kumpulan Kewangan (*Financial*) atau Aktiviti (*Activity*).
- b. Untuk kewangan, masukkan maklumat angka-angka yang tersedia.
- c. Untuk aktiviti, ikut kaedah Proses Empat-Langkah (*PEL*):
 - i. Penetapan Julat Pembaziran (*JP*)
 - ii. Penetapan Lead atau Lag (*dimana Lead adalah 1.5 faktor aktiviti Lag*)
 - iii. Faktor Saiz Bajet
 - iv. Faktor-faktor Tambahan: penunjuk terhadap nilai, unit, peratusa hari terbengkalai dan lain lain.

i. Penetapan Julat Pembaziran

Bagi menetapkan pembaziran kepada Julat Pembaziran (JP) yang sesuai, gambar rajah dibawah (jadual A) seharusnya digunakan sebagai rujukan umum.

Jadual A: Julat Pembaziran

Julat	Perkara Pembaziran	Pembaziran untuk Aktiviti Lag (RM '000)	Pembaziran untuk Aktiviti Lead (RM '000)*
1	Isu-isu pelbagai melibatkan pentadbiran. (seperti pengasingan benda, mekanisme tidak wujud/lengkap)	25	37.5
2	Kegagalan pendaftaran, kelulusan, sijil, latihan. Kegagalan untuk mengikut kriteria. Kekosongan tempat yang tidak diisi. Tamat tempoh. Projek belum atau tidak dikemukakan. Perbezaan reka bina diperingkat perancangan dan diperingkat yang sebenar.	50	75
3	Kegagalan untuk mencapai sasaran ditetapkan. Kecacatan, kerosakan atau tidak berfungsi.	100	150
4	Kelewatan siap kerja atau tandatangan. Prestasi kurang memuaskan, tidak lengkap, tidak teratur. Perkara bernilai tinggi yang jelas.	500	750
5	Perkara besar yang jelas bernilai yang mempunyai kepentingan.	1,000	1,500

*Lead difaktorkan 1.5 daripada aktiviti Lag

Pengguna yang ingin mengumpulkan maklumat seharusnya merujuk penetapan JP. Syarat mudah adalah untuk memasukkan perkara pembaziran tersebut termasuk dalam salah satu penjelasan bawah “Perkara Pembaziran”, maka perkara tersebut akan termasuk dalam “Julat” yang mengikut penjelasan tersebut.

Satu perkara penting yang perlu diberikan perhatian adalah perkara pembaziran tidak perlu betul-betul sama dengan penjelasan “Perkara Pembaziran” untuk diterima masuk dalam Julat tersebut. “Perkara Pembaziran” tidak bermaksud untuk penjelasan yang lengkap, tetapi untuk dijadikan panduan yang jelas dari segi konsepnya.

Sebagai contoh, ‘kerja yang berkualiti rendah’ masih dikira dalam Julat 4 walaupun dari segi penjelasannya tidak termasuk dalam “Perkara Pembaziran” dalam “Julat 4”. Ini adalah kerana kerja yang berkualiti rendah masih sama dari konsepnya atau setaraf dengan ‘prestasi kurang memuaskan’ walaupun mereka tidak sama dari segi penjelasan ayat.

Apa yang penting adalah konsep yang tepat berbanding dengan penjelasan ayat yang sama.

Walau “Perkara Pembaziran” terbuka untuk sebarang perubahan, sebarang usaha untuk mengubah konsep perbezaan perkara mestilah dilakukan dengan alasan yang kukuh. Ini adalah kerana konsep perbezaan perkara dibawah “Perkara Pembaziran” dibina berdasarkan penelitian yang cermat mengikut keperluan komersil.

Sebagai contoh, dalam sesebuah syarikat, prestasi yang kurang memuaskan kebiasaannya menyebabkan kos 30% daripada jumlah perbelanjaan.¹ Dengan purata jumlah bajet bagi setiap Kementerian adalah RM 11 bilion, 30% kos akibat prestasi yang tidak memuaskan akan memberi jumlah sekurangnya RM 3.3 bilion. Dengan menganggap setiap Kementerian mempunyai purata 3 perkara berkaitan pembaziran akibat prestasi yang tidak memuaskan, setiap perkara tersebut akan menyebabkan kos sekurang-kurangnya RM 1.1 bilion.

Dengan meletakkan angka RM 500,000 untuk prestasi kurang memuaskan sebagai asas ukuran adalah angka yang konservatif untuk membatalkan jika terdapa perbezaan yang ketara antara Kementerian yang paling cermat dan yang paling boros.

Kesimpulannya, JP adalah bertujuan untuk bertindak sebagai perbezaan secara konsep bagi perkara berkaitan pembaziran hasil daripada analisa yang diperolehi daripada amalan korporat dan industri.

ii. Penetapan Lead atau Lag

Bahagian kedua PEL memerlukan pembahagian pembaziran berteraskan aktiviti kepada aktiviti Lead atau Lag.

Aktiviti Lead merujuk kepada aktiviti yang menyumbang secara langsung kepada kerugian terhadap keuntungan atau pendapatan sesebuah Kementerian. Sebaliknya, aktiviti Lag merujuk kepada aktiviti yang mempunyai kesan yang tidak langsung kepada kerugian terhadap keuntungan atau pendapatan sesebuah Kementerian.

Sebagai contoh, bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan dan menguruskan sistem kelas Al-Quran dan Fardhu Ain, kekurangan kemudahan dan peralatan dianggap sebagai aktiviti Lag kerana ianya membawa kesan yang tidak langsung terhadap pendapatan atau keuntungan Kementerian. Sebaliknya, elaun terlebih yang dibayar antara tahun 2012 dan 2014 sejumlah RM 66,209 akan dianggap sebagai aktiviti Lead kerana ianya memberi kesan langsung terhadap pendapatan atau keuntungan Kementerian.

Proses penetapan aktiviti ini bergantung kepada pemahaman fungsi-fungsi bagi setiap Kementerian, dan lebih berkesan fungsi bagi Agensi yang berkenaan, bagi mendalami fungsi-fungsi utama dan tambahan yang membolehkan penetapan aktiviti mengikut Lead atau Lag dibuat dengan lebih tepat. Namun, penetapan yang salah bagi beberapa perkara pembaziran tidak memberi impak melainkan kesan marginal terhadap keputusan IPKN.

Kertas kajian ini menetapkan aktiviti Lead untuk mempunyai faktor 1.5 ke atas aktiviti Lag. Anggaran ini juga ditetapkan secara konservatif. Keputusan nilai penetapan Lead atau Lag bagi setiap Perkara Pembaziran dan juga Julat dibawah JP telah diterangkan dalam Jadual A di atas.

iii. Faktor Saiz Bajet

Ketiga, PEL memerlukan penilaian jumlah bajet bagi setiap Kementerian. Jumlah bajet bagi setiap Kementerian tidak boleh diketepikan kerana kebiasaannya jumlah baejt mempunyai kesan instrumental terhadap ketepatan saiz sampel maklumat yang dikumpul. Logik ringkas yang berkaitan dengan jumlah bajet adalah: lebih besar jumlah bajet sesebuah Kementerian, lebih besar pembaziran.

Sebagai contoh, Kementerian Kewangan yang mempunyai jumlah bajet RM 34.6 bilion secara logiknya akan mempunyai pembaziran yang lebih tinggi berkaitan dengan kualiti prestasi yang tidak memuaskan berbanding dengan Kementerian Pengangkutan yang mempunyai bajet berjumlah RM 5.2 bilion.

Dengan yang demikian, faktor saiz bajet atau jumlah bajet digunakan untuk menggambarkan pemahaman logik ini.

Jadual B di bawah menunjukkan penilaian jumlah bajet:

Jadual B: Faktor Saiz Bajet

Nilai (RM Bilion)	Faktor
0 – 4.9	Base
5 – 9.9	2
10 – 14.9	3
15 – 19.9	4
20 – 24.9	5
25 – 29.9	6
30 – 34.9	7
35 – 39.5	8

“Faktor” merujuk kepada berapa banyak pembaziran digandakan. Sebagai contoh, bagi Kementerian yang mempunyai saiz bajet di antara RM 5 – 9.9 bilion, pembaziran yang dikenal pasti akan digandakan sebanyak 2 kali selaras dengan saiz bajet yang lebih besar.

Satu perkara penting yang perlu diberikan perhatian adalah perkara pembaziran berdasarkan nilai kewangan tidak perlu dimasukkan kerana perkara tersebut telah diberi nilai atau angka yang absolut oleh Laporan Ketua Audit.

iv. Pertimbangan Tambahan

Akhir sekali, terdapat pelbagai perkara tambahan yang perlu diambil kira bagi mendapatkan nilai akhir untuk pembaziran bagi setiap perkara. Ini adalah normal bagi kes yang melibatkan perkara-perkara dalam Laporan Ketua Audit yang diberi penunjuk terhadap nilai, peratusan, bilangan hari lewat dan pertimbangan-pertimbangan lain yang relevan.

Pengiraan purata peratusan pembaziran kerajaan melalui formula Tahap Peringkat Keyakinan atau Confidence Interval (CI)

Penggunaan formula Tahap Peringkat Keyakinan atau Confidence Interval (CI) adalah bersesuaian kerana ianya sering digunakan sebagai kaedah standard untuk mengekstrapolasi saiz sampel ke saiz populasi.

Sebagai rujukan, 'saiz sampel' adalah merujuk kepada maklumat yang dikumpul melalui langkah pertama PDL, dan 'saiz populasi' merujuk kepada hasil yang diperolehi daripada peringkat makro.

Formula CI adalah seperti berikut iaitu Formula A:

$$\bar{X} \pm Z \frac{\sigma}{\sqrt{n}}$$

\bar{x} = min sampel

z = tahap peringkat keyakinan 95% (1.96)

σ = sisihan piawai populasi

n = min populasi

Bagi komponen z seperti dalam formula, tahap peringkat keyakinan 95% digunakan seperti mana peratusan yang diperolehi daripada Jabatan Statistik Malaysia.

Sebelum formula ini dibentuk, komponen 'Emolumen' telah dikeluarkan daripada jumlah bajet kerana kertas kajian ini menganggap komponen tersebut kurang terdedah kepada rasuah. Ini sekaligus menunjukkan bahawa pada tahap formula ini, angka yang digunakan adalah konservatif dan dijangka lebih tinggi jika dibuktikan bahawa terdapat unsur rasuah dalam emolumen.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA